

SULIT

SPSS/APRIL2018/DSM1043/DPP1053/DPI2093



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR

NAMA KURSUS : PRINSIP EKONOMI
KOD KURSUS : DSM1043/ DPP1053/ DPI2093
PEPERIKSAAN : APRIL 2018
MASA : 3 JAM

ARAHAH KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi TIGA (3) bahagian:
BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)
BAHAGIAN C (40 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU


KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 13 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **SEMUA** di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Antara berikut, yang manakah termasuk dalam faktor-faktor pengeluaran?
 - A Angin.
 - B Buruh.
 - C Citarasa.
 - D Teknologi.
2. Ciri penting barang awam ialah
 - A tidak dikenakan bayaran.
 - B disediakan oleh kerajaan.
 - C kos pengeluarannya tinggi.
 - D tiada konsep pengecualian.
3. Rajah 1 di bawah menunjukkan Keluk Kemungkinan Pengeluaran YB bagi sesebuah negara.



Keluk Kemungkinan Pengeluaran di atas adalah _____ kerana kos lepasnya adalah _____.

- A malar, tetap.
- B cembung, malar.
- C malar, bertambah.
- D cembung, bertambah.


4. Peruntukan sumber ekonomi yang terhad diselesaikan dalam sistem ekonomi perancangan pusat melalui

- A mekanisma harga.
- B siapa cepat, dia dapat.
- C permintaan dan penawaran pasaran.
- D pengagihan pendapatan yang saksama.

5. Berikut adalah pelaku ekonomi **kecuali**

- A firma.
- B kerajaan.
- C isi rumah.
- D institusi kewangan.

6. Rajah 2 di bawah menunjukkan keluk permintaan bagi sesuatu barang.



Peralihan keluk permintaan dari D_1 ke D_2 disebabkan

- A kenaikan harga barang pengganti.
- B kenaikan harga barang penggenap.
- C kejatuhan harga barang penggenap.
- D kenaikan subsidi ke atas barang tersebut.

7. Antara berikut, yang manakah menyebabkan keluk permintaan beras tempatan beralih ke kanan.

- A peningkatan harga beras import.
- B peningkatan harga beras tempatan.
- C pengurangan kos pengeluaran beras.
- D penemuan benih beras bermutu tinggi.

8. Jadual 1 yang berikut menunjukkan kuantiti diminta oleh pengguna A dan pengguna B serta kuantiti ditawarkan oleh penjual P dan penjual Q bagi barang Y.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)		Kuantiti ditawar (unit)	
	A	B	P	Q
3	20	18	3	13
4	16	18	6	15
5	12	14	9	17
6	8	12	12	19

Jadual 1

Harga keseimbangan ialah

- A** RM3
- B** RM4
- C** RM5
- D** RM6


9. Perpindahan keluk penawaran ke kiri disebabkan oleh

- A** pengurangan pendapatan pengguna.
- B** pembangunan barang pengganti baru.
- C** pengurangan permintaan terhadap barang penggenap.
- D** peningkatan cukai yang dikenakan terhadap barang tersebut.

10. Antara berikut, yang manakah akan berlaku jika keluk permintaan beralih ke kanan dan keluk penawaran tidak berubah?

- A** harga naik dan kuantiti tetap.
- B** harga naik dan kuantiti meningkat.
- C** harga tetap dan kuantiti berkurangan.
- D** harga tidak dapat ditentukan dan kuantiti tetap.

Soalan 11 hingga soalan 13 berdasarkan gambarajah di bawah.



Rajah 3

Rajah 3 menunjukkan D_0 dan S_0 masing-masing ialah keluk permintaan dan keluk penawaran. Keluk S_0 beralih ke S_1 apabila kerajaan mengenakan cukai.

11. Berapakah cukai per unit yang dikenakan oleh kerajaan terhadap barang itu?
 - A RM 2
 - B RM 3
 - C RM 4
 - D RM 5

12. Berapakah beban cukai yang ditanggung oleh pengeluar?
 - A RM 20
 - B RM 30
 - C RM 40
 - D RM 50

13. Berapakah beban cukai yang ditanggung oleh pengguna
 - A RM 10
 - B RM 20
 - C RM 30
 - D RM 40

14. Konsep pendapatan negara yang kerap digunakan sebagai pembolehubah makroekonomi ialah

- A pendapatan boleh guna.
- B Keluaran Negara Kasar (KNK).
- C pendapatan negara per kapita.
- D Keluaran Negara Kasar Potensi.

15. Keluaran Negara Bersih mengikut harga pasaran bersamaan Keluaran Negara Bersih mengikut kos faktor jika

- A susut nilai bersamaan sifar.
- B eksport bersih bersamaan sifar.
- C cukai tak langsung tolak subsidi bersamaan sifar.
- D pendapatan faktor bersih dari luar negara bersamaan sifar.

16. Pendapatan persendirian mengambil kira semua nilai berikut **kecuali**

- A susut nilai.
- B cukai syarikat.
- C caruman KWSP.
- D bayaran pindahan.

17. Jadual 2 di bawah menunjukkan data pendapatan negara sebuah negara pada suatu tahun tertentu.

Butir	RM (Juta)
Pendapatan faktor bersih dari luar negeri	5000
Susut nilai	15 000
Cukai persendirian	30 000
Cukai tak langsung	25 000
Subsidi	10 000
Keluaran Negara Kasar pada harga pasaran	85 000

Jadual 2

Berapakah nilai Keluaran Negara Bersih pada kos faktor?

- A RM45 000 juta
- B RM65 000 juta
- C RM75 000 juta
- D RM105 000 juta

18. Nilai wang merujuk kepada

- A nilai cagaran emas untuk mencetak wang kertas.
- B jumlah nilai wang yang diedarkan dalam ekonomi.
- C jumlah barang dan perkhidmatan yang dapat dibeli dengan sejumlah mata wang.
- D harga mata wang sesebuah negara disebut dalam harga mata wang negara yang lain.

19. Antara berikut, yang manakah **bukan** merupakan fungsi wang?

- A sumber kredit.
- B penyimpan nilai.
- C bayaran tertunda.
- D mengukur nilai barang.

20. Polisi perlindungan merupakan polisi yang dipraktikkan sesebuah negara ke atas negara lain dengan mewujudkan beberapa halangan yang dilaksanakan ke atas perdagangan dengan pelbagai alasan ekonomi dan alasan ekonomi.

- I. Kepelbagaian industri
- II. Mengurangkan jurang agihan pendapatan
- III. Untuk melindungi industri baru di dalam negara
- IV. Alasan pengangguran

Antara sebab-sebab halangan perdagangan ialah

- A I dan II
- B I dan III
- C I dan IV
- D II dan III

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Jadual 3 di bawah menunjukkan Harga Barang X dan kuantiti permintaan Barang X, Barang P dan Barang Q.

Harga Barang X (RM)	Barang X (kg)	Barang P (kg)	Barang Q (kg)	Pendapatan (RM)
1	8	10	10	1000
2	6	12	9	1060
3	4	14	8	1120
4	2	16	7	1180
5	0	18	6	1240

Jadual 3

Berdasarkan jadual di atas:

- Kirakan keanjalan permintaan harga untuk Barang X apabila harga Barang X meningkat dari RM2 ke RM4.
(2 markah)
- Kirakan keanjalan permintaan silang antara harga Barang X dan kuantiti Barang P apabila harga Barang X turun dari RM5 ke RM3.
(2 markah)
- Berdasarkan jawapan di (b), apakah jenis hubungan antara Barang X dan Barang P?
(1 markah)
- Kirakan keanjalan permintaan silang antara harga Barang X dan kuantiti Barang Q apabila harga Barang X naik dari RM1 ke RM4.
(2 markah)
- Kirakan keanjalan pendapatan bagi Barang Q apabila pendapatan meningkat dari RM1060 ke RM1120. Apakah jenis barang Q.
(3 markah)

SOALAN 2

Jadual 4 di bawah menunjukkan permintaan dan penawaran bagi ayam segar di Sungai Petani.

Harga (RM per kg)	Kuantiti diminta (unit)	Kuantiti ditawar (unit)
7.00	100	500
6.50	200	400
6.00	300	300
5.50	400	200
5.00	500	100

Jadual 4

Berdasarkan gambarajah di atas:

- Lukiskan keluk permintaan dan penawaran di atas graf yang sama.
(3 markah)
- Berapakah harga dan kuantiti keseimbangan.
(1 markah)
- Andaikan kerajaan mengenakan cukai sebanyak RM 0.50 bagi setiap unit pengeluaran produk tersebut;
 - Tunjukkan kesan ke atas kenaikan cukai yang dikenakan di atas graf yang sama di (a).
(2 markah)
 - Berapakah harga dan kuantiti keseimbangan yang baru?
(1 markah)
 - Kirakan beban yang di tanggung oleh pengeluar dan pengguna.
(2 markah)
- Kirakan jumlah hasil yang dipungut oleh kerajaan.
(1 markah)

SOALAN 3

Jadual 4 di bawah menunjukkan data pendapatan negara bagi sebuah negara.

Butiran	RM juta
Susut nilai	20
Subsidi	10
Cukai tak langsung	20
Pertanian	100
Perhubungan	150
Perindustrian	200
Pengangkutan	50
Bank dan insurans	20
Perkhidmatan lain	10
Cukai import	20
Bayaran perkhidmatan bank	10
Pendapatan faktor bersih luar negeri	10

Jadual 5

Berdasarkan jadual di atas, hitungkan;

- Keluaran Dalam Negara Kasar pada harga pasar ($KDNK_{hp}$)
(2 markah)
- Keluaran Negara Kasar pada kos faktor (KNK_{hp})
(2 markah)
- Keluaran Negara Kasar pada kos faktor (KNK_{kf})
(2 markah)
- Keluaran Negara Bersih
(2 markah)
- Senaraikan **dua (2)** kegiatan ekonomi di bawah sektor pertama.
(2 markah)

SOALAN 4

Data kewangan Negara JKK adalah diberi seperti berikut (dalam RM juta):

Butiran	RM (Juta)
Wang kertas	3 300
Simpanan BIMB	2240
Sijil-sijil boleh runding	1780
Sijil-sijil Bank Negara Malaysia	1920
Deposit tetap dan deposit simpanan bank komersial	8350
Deposit semasa di bank komersial	7435
Deposit tetap dan deposit simpanan di lain-lain institusi kewangan	5290

Jadual 6

- a. Jika wang fiat ialah RM 4 540, berapakah nilai wang syiling?

(2 markah)

- b. Kirakan:

i. M1

(2 markah)

ii. M2

(2 markah)

iii. M3

(2 markah)

- c. Kirakan "wang hampir" (wang kuasi).

(2 markah)

[40 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **EMPAT(4)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.
Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan *Oikos nomos*?
(2 markah)
- b. Bezakan antara konsep makroekonomi dan mikroekonomi. Sertakan contoh.
(4 markah)
- c. Berdasarkan gambarajah, terangkan tentang **dua (2)** jenis Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP).
(8 markah)
- d. Jelaskan contoh yang menerangkan konsep kekurangan, pilihan dan kos lepas terhadap individu, firma dan kerajaan.
(6 markah)

SOALAN 2

- a. Nyatakan **empat (4)** fungsi kerajaan.
(4 markah)
- b. Dengan bantuan gambarajah, huraiakan bagaimana perubahan berikut mempengaruhi keluk permintaan *Myvi*.
(6 markah)
 - i. Kenaikan harga *Myvi*.
 - ii. Harga *Honda* dijangka akan menurun.
- c. Nyatakan **empat (4)** faktor yang menyebabkan keluk penawaran beralih.
(4 markah)
- d. Berpandukan rajah, terangkan **tiga (3)** bentuk keanjalan permintaan.
(6 markah)

SOALAN 3

- a. Apakah maksud cukai langsung? Sertakan contoh.
(4 markah)
- b. Jelaskan tentang Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), Keluaran Negara Kasar (KNK) dan Keluaran Negara Bersih.
(6 markah)
- c. Senaraikan **dua (2)** contoh dalam sektor kedua dan **dua (2)** contoh dalam sektor ketiga.
(4 markah)
- d. Jelaskan **tiga (3)** masalah pengiraan pendapatan negara.
(6 markah)

SOALAN 4

- a. Berikan **empat (4)** fungsi wang.
(4 markah)
- b. Jelaskan **tiga (3)** fungsi bank saudagar.
(6 markah)
- c. Apakah **empat (4)** faktor kewujudan perdagangan antarabangsa.
(4 markah)
- d. Huraikan **tiga (3)** jenis halangan bukan tariff.
(6 markah)

[40 MARKAH]**KERTAS SOALAN TAMAT**